

Pengundi perlu nilai kekuatan calon sebelum mengundi

BANGI - Pengundi perlu bijak membuat penilaian secara menyeluruh terhadap calon termasuk parti yang diwakilinya sebelum memangkah kertas undi pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) nanti.

Menurut Pengarah Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, terdapat lima cara untuk melihat pola pilihan raya yang perlu diambil kira oleh pengundi.

"Antaranya ialah personaliti calon, karisma kepimpinan, hubungan dengan masyarakat serta kemampuan melaksanakan tanggungjawab.

"Pengundi juga perlu melihat manifesto yang diketengah-



PENG KEE

kan kerana ia mencerminkan bayangan pemimpin dan parti bertanding," katanya pada program Bicara Persada Siri ke-43 anjuran UKM di kampus universiti itu di sini semalam.

Forum bertajuk PRU-14: Malaysia Memilih itu anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kema-



SHAMSUL AMRI

nusiaan UKM.

Selain Dr. Shamsul sebagai ahli panel, tiga yang lain ialah Ketua Program Sains Politik Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Keselamatan UKM, Prof. Madya Mohammad Agus Yusoff; Pensyarah Pusat Penyelidikan Impak Media dan Industri Krea-



MOHAMMAD AGUS



MAZLAN

na menyaksikan perang maklumat melibatkan media sosial dan media tradisional.

"Saya melihat kemenangan pada PRU kali ini bakal ditentukan oleh parti yang boleh menyatu dan memikat bukan satu kaum sahaja," ujarnya.

tif UKM, Prof. Madya Chang Peng Kee dan Pensyarah Bahagian Politik dan Dasar Awam Sekolah Perdana Universiti Teknologi Malaysia, Dr. Mazlan Ali.

Bagi Mohammad Agus, katanya, PRU kali ini dilihat unik kera-

Sementara itu, Peng Kee pula menasihati pengundi agar memastikan maklumat-maklumat berkaitan PRU yang diperolehi adalah tepat dan benar.

"Era teknologi menyaksikan maklumat tidak sahah mudah tersebar terutamanya melalui media sosial, jadi perlu bijak menilai berita," ujarnya.

Mazlan pula berkeyakinan Barisan Nasional (BN) mampu meraih kemenangan pada PRU-14 sekiranya dapat meyakinkan pengundi kelebihan mereka berbanding pembangkang.

"PRU kali ini adalah yang paling sengit kerana pembangkang turut dibarisi nama-nama besar. Bagaimanapun, kekuatan parti lebih penting berbanding nama besar calon," katanya.